

03 JUN 2001

Chua-Nanyang

CHUA RAGU-RAGU PENGAMBILALIHAN NANYANG DAN CHINA PRESS

KLANG, 3 Jun (Bernama) -- Naib presiden MCA Datuk Chua Jui Meng berkata beliau ragu-ragu berkaitan pengambilalihan Nanyang Siang Pau dan China Press oleh parti itu.

"Walaupun semasa saya berada di Eropah saya mempunyai perasaan ragu-ragu berkaian pengambilalihan itu dan saya telah menjelaskan pendirian saya yang tidak menyokong langkah tersebut," katanya.

Chua yang juga Menteri Kesihatan berkata perkara itu kepada pemberita selepas melepaskan peserta Walkaton Rakyat 2001 di sini hari ini.

Lebih 1,500 orang dari semua lapisan masyarakat mengambil bahagian dalam acara itu yang dianjurkan oleh 11 cawangan MCA di sini.

Chua adalah seorang daripada lapan pemimpin MCA yang tidak bersetuju dengan langkah tersebut, yang telah dibincangkan pada mesyuarat jawatankuasa pusat parti Rabu lepas. Semasa membantah langkah itu Chua berkata sebarang syarikat yang hendak membeli aset besar seumpama itu perlu mendapatkan persetujuan pemegang amanah dan pemegang saham, tetapi pada mesyuarat itu beliau diberitahu tidak perlu mengadakan mesyuarat pemegang saham bagi membincangkan pembelian itu yang berharga RM230 juta.

Chua juga mempersoalkan sama ada perlu bagi parti melakukan urusan ekonomi itu dengan membelakangi kehendak rakyat.

Dalam ucapannya sebelum melepaskan peserta walkaton itu, Chua berkata kajian yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan hanya 30.9 peratus rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas melakukan latihan jasmani, dan hanya 11.6 peratus membuat latihan jasmani yang mencukupi.

Beliau berkata kajian itu juga menunjukkan kadar latihan meningkat dengan tahap pendidikan, jajaran dari 13.9 peratus bagi mereka yang tidak mempunyai pendidikan formal kepada 51.4 peratus bagi mereka yang mempunyai pendidikan tertiar.

Kajian itu juga mendapati hanya 27.8 peratus mereka yang tinggal di luar bandar melakukan latihan jasmani berbanding 33.4 peratus penduduk bandar.

Beliau berkata kementeriannya akan melakukan satu lagi kajian dalam tahun 2004 untuk mengkaji semula trend latihan jasmani antara penduduk luar bandar dan bandar.

Sementara itu, ketika ditanya berkaitan peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan, Chua berkata beliau (Daim) telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara terutamanya semasa krisis ekonomi.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Daim adalah dua tonggak negara yang telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

-- BERNAMA

KM RI